

PARLIMEN: Peluang OKU Dalam Perkhidmatan Awam Sentiasa Ada - Koh Tsu Koon Bernama
15 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Kerajaan sentiasa menyediakan peluang kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk memegang jawatan dalam Perkhidmatan Awam sesuai dengan kemahiran mereka, persidangan Dewan Rakyat diberitahu isnin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata sungguhpun secara keseluruhan pelantikan golongan itu dalam sesuatu skim perkhidmatan awam kini masih rendah, bagi sesetengah skim, pelantikan mereka adalah melebihi sasaran yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008.

"Misalnya untuk tahun 2012 setakat ini, untuk skim Pembantu Makmal daripada 11 kekosongan lima daripadanya adalah OKU, iaitu lebih 45 peratus manakala untuk skim Pembantu Tadbir Undang-undang, dua daripada 45 kekosongan atau hampir lima peratus diisi oleh golongan OKU," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013.

Beliau berkata Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 tahun 2008 menetapkan satu peratus daripada jumlah pegawai serta kakitangan sesebuah agensi kerajaan hendaklah terdiri daripada golongan OKU, tertakluk kepada permohonan dan kesesuaian bidang.

Katanya, pada 2010 seramai 132 OKU dilantik dalam perkhidmatan awam, 53 dilantik tahun lepas manakala sehingga September tahun ini, 82 OKU telah dilantik.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702191>